

TARIKH	10 / 03 / 2015	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	12	RUANGAN	



Tengku Dr Muhammad Fa-iz Petra (tiga dari kiri) bersama dari kanan Badrulshah, Muhamad Hamdan, Johan, Azmin dan Timbalan Yang Dipertua MAIK, Datuk Serpudin Mohamad pada majlis penyerahan zakat perniagaan di Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH)

## TH, UMW Holdings serah zakat RM4.64j

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (TH) dan UMW Holdings Berhad (UMW Holdings) semalam menyerahkan zakat perniagaan keseluruhan RM4.64 juta bagi tahun 2014 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah serta Pengarah Eksekutif Bahagian Khidmat Kewangan Kumpulan UMW Holdings, Azmin Che Yusoff, menyerahkan replika cek zakat syarikat masing-masing berjumlah RM4.04 juta

dan RM600,000.

Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr Muhammad Fa-iz Petra, selaku Yang Dipertua MAIK mewakili badan agama berkenaan pada majlis di sini yang turut dihadiri oleh Pengarah TH Kelantan, Muhamad Hamdan Omar dan Ketua

Bahagian Komunikasi Korporatnya, Badrulshah Abdul Rahman.

Johan berkata, bayaran zakat TH kepada MAIK kali ini meningkat berbanding RM3 juta tahun sebelumnya hasil pencapaian memberangsangkan kumpulan itu, tahun lalu.